

23 JUL 1999

DR MAHATHIR LAWAT PROJEK LAGUN LANGKAWI AHAD INI

LANGKAWI, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat sebuah projek penginapan mewah berbentuk baru berhampiran kawasan Kuala Triang di sini Ahad ini.

Projek berharga RM250 juta itu, yang diberi nama "Lagun Langkawi", didirikan di tapak pembangunan Pelabuhan Langkasuka. Ia dibangunkan oleh Tema Teladan Sdn Bhd, anak syarikat Emkay Sdn Bhd.

Menurut jurucakap Emkay, Dr Mahathir akan menyaksikan majlis penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) di antara sebuah syarikat Korea Selatan dan Emkay berhubung kadar sewa untuk penginapan.

Dr Mahathir dijangka ditemubual oleh media Korea Selatan selepas majlis penandatanganan itu.

Jurucakap itu berkata projek itu akan mengandungi 1,700 unit chalet kotej. Enam model unit itu dibina untuk tatapan umum.

-- BERNAMA

NH AKD